

Qalam

KDN 186

147, Jamādi Al-Awwal, 1382, Oktober 1962, 60 sen

Masyarakat Islam Dengan Hukum Agama Islam

Sesudah merdeka, di Persekutuan Tanah Melayu, dan juga di Singapura, telah timbul perasaan-perasaan tidak puas hati dengan keadaan pertadbiran agama, terutamanya di dalam masalah nikah dan cerai iaitu perkara-perkara yang dikelola oleh jabatan-jabatan agama dan di Singapura oleh suatu pertadbiran agama yang terletak di bawah lingkungan Mahkamah Syariah.

Perasaan tidak puas hati itu terbit adalah kerana perjalanan pertadbiran nikah dan cerai itu, pada setengah-setengah tempat, terutamanya di bandar-bandar yang besar, sangat tidak memuaskan. Angka-angka cerai sangat tinggi, dan perbuatan-perbuatan sewenang telah terjadi.

Melihat keadaan itu, maka “cerdik pandai” orang Islam mencari jalan bagaimana ikhtiar mengurangkan perceraian yang tersebut. Sebagaimana dimaklumi di Singapura dan Selangor, telah pun membuat peraturan-peraturan. Bahagian pertadbiran agama tentera Persekutuan pula sedang merangka peraturan-peraturan.

Di sana sini kaum ibu pula bangkit menuntut supaya poligami (beristeri lebih daripada satu) dihapuskan dengan diberi kuatkuasa undang-undang.

Dengan terbitnya desakan-desakan dari masyarakat itu maka timbullah suatu cara atau kaedah yang menjadikan seolah-olah hukum agama Islam yang telah disempurnakan oleh

Allah di dalam akhir wahyu yang diturunkan kepada Junjungan kita Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* itu tidak mencukupi dan tidak sempurna dan tidak lengkap. Maha Suci Allah daripada tidak menyempurnakan hukum-hukum-Nya yang bersesuaian untuk setiap masa dan saat untuk hamba-hamba-Nya yang beriman.

Di Singapura dan di Selangor, dengan kerana kononnya hendak mengetatkan peraturan-peraturan nikah dan cerai, sebagaimana yang kita pernah tulis, lalu mengadakan peraturan bahawa seseorang suami tidak boleh berkahwin lagi melainkan mendapat izin daripada isterinya dan tidak begitu sahaja tetapi lebih diketatkan lagi seperti yang ditulis di dalam dua rencana kita keluaran Qalam yang lalu. Begitu juga mengenai perceraian – tidak boleh seorang suami mengugurkan cerai melainkan dengan persetujuan isteri dan disahkan oleh kadi-kadi mahkamah.

Langkahan-langkahan ini telah jadi gambar gembur di dalam masyarakat dan akhirnya timbullah peristiwa di dalam mana kaum ibu menuntut supaya poligami dihapuskan. Semuanya ini adalah bertentangan dengan hukum agama Islam.

Adakah umat Islam akan reda dengan hukum-hukum yang bukan daripada hukum yang telah diberi oleh Allah? Adakah umat Islam akan memandang bahawa hukum-hukum yang dibuat oleh manusia, dengan akal manusia, akan lebih sempurna daripada hukum Allah? Adakah umat Islam yang beriman kepada Allah dan RasulNya akan membiarkan hukum-hukum Allah diperkosa? Adakah umat Islam memandang bahawa hukum manusia lebih baik daripada hukum Allah?

Firman Allah sebagai pertanyaan:

Afaḥukma al-jāhilliyati yabghūna wa man aḥsanu min Allāh ḥukman liqawmi yūqinūn. (Al-Ma’idah 50)

Maksudnya: “Apakah mereka mahu hukuman jahiliyah, pada hal bukankah tidak sesiapa yang hukumannya lebih baik daripada Allah, bagi orang-orang yang berkeyakinan?”

Umat Islam yang beriman kepada Allah dan sulNya¹ tentu akan tetap berdiri dan akan memperjuangkan supaya hukum Allah tidak diperkosa. Mereka menghendaki, walau pun di dalam keadaan yang sekurang-kurangnya supaya hukum Allah itu dijalankan dan disempurnakan. Mereka patuh kepada firman Allah:

Wa ani ahkum baynahum bimā anzala Allāhu wa lā tattabi' ahwāahum wa ahḍharhum an yaftinūka 'an ba'di mā anzala Allāhu ilayka fain tawallaw fa'lam annamā yurīdu Allāhu an yuṣṭbahum biba'di dhunūbihim wa inna kathīran mina al-nāsi lafāsiqūn (Al-Ma'īdah 49).

Maksudnya: "Dan hendaklah engkau hukuman antara mereka dengan apa yang Allah telah turunkan, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah diri daripada mereka, kluatir kalau-kalau mereka gelincirkan kamu daripada sebahagian (perintah) yang Allah turunkan kepada kamu. Maka sekiranya mereka berpaling (daripada kebenaran) ketahuilah, bahawa Allah tidak mahu, melainkan akan menyiksa mereka dengan sebab sebahagian daripada dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan daripada manusia (adalah) orang yang fasik."

Umat Islam, terutamanya alim ulamanya, hendaklah ingat bahawa perkembangan yang ada disekeliling kita sekarang telah banyak terpesongnya daripada agama. Masyarakat kita sekarang makin jauh daripada pelajaran agama. Anak-anak muda telah menjauhkan dirinya daripada agama. Kita telah melihat di dalam masyarakat kita, kumpulan-kumpulan yang muda-muda timbul, daripada golongan kita yang membenci agama. Bahkan tidak di situ sahaja bahkan kita melihat ada yang mengaku dirinya tuhan - *na'ūdhu bi-Llāh!* Bahkan pernah pula di dalam permesyuaratan golongan-golongan ini memandang pelajaran al-Qur'ān tidak perlu di adakan ajaran membacanya tetapi memadai dengan mengetahui terjemahannya sahaja.

Kita melihat pula, bahawa di dalam masyarakat kita, ada golongan-golongan yang sangat petah berkata-kata dan banyak membawa syor di dalam majlis-majlis yang menjadi penasihat agama

kepada kerajaan tetapi tidak beramal dengan amalan agama.

Orang-orang ini banyak menghendaki supaya hukum agama dibawa perubahan. Kerana kebajikan mereka, maka lalulah hukum-hukum agama itu, tidak lagi dibalikkan kepada asal pengeluaran, al-Kitāb dan al-Sunnah. Tetapi hukum agama dijalankan dengan undi.

Hal ini telah pun dikatakan berlaku di dalam Majlis Penasihat Islam Singapura yang dikatakan telah mempersetujui syor daripada Peguam Agung Singapura, menentukan bahawa seseorang lelaki yang hendak berkahwin hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan perempuan tidak kurang daripada umur 16 tahun. Hal ini tentunya akan dikemukakan kepada Majlis Undangan tetapi khabarnya, keputusan ini telah pun dijalankan dan dijadikan peraturan oleh Mahkamah Syariah Singapura dengan menetapkan bahawa khabarnya kadi-kadi telah diperintahkan supaya tidak boleh mengkahwinkan seseorang lelaki yang berumur di bawah 18 tahun dan perempuan di bawah daripada 16 tahun.

Keputusan ini diambil dengan undi. Kerana di dalam Majlis itu yang terbanyaknya orang-orang seperti yang disebut di atas maka pendapat-pendapat ahli-ahli agama di situ pun terus sahaja terkebelakang dan kerana itu hukum-hukum Allah tidak diikuti bahkan peraturan-peraturan yang baharu itu diikuti sedang alim ulama yang duduk di sana bersifat pasif – tidak berjiwa berani untuk mengadakan bantahan atas kesalahan-kesalahan yang dijalankan itu. Tidaklah payah rasanya di sini kita menyebut sebab-sebabnya.

Tetapi walau bagaimana pun dengan diamnya alim ulama di Majlis itu bermakna bahawa mereka seolah-olah tertekan. Ini menjadi sebab hukum-hukum Allah yang sedikit dapat dilaksanakan itu telah berubah atau berpinda-pinda dan akhirnya rosaklah hukum Allah dan Rasul-Nya itu, satu demi satu runtuh kerana perbuatan yang demikian.

Yang mendukacitakan pula, bahawa hampir tidak ada di antara golongan Islam yang mau berjihad menegakkan kalimah

¹ Perkataan sebenar ialah RasulNya

Allah, tidak ada golongan-golongan yang berani mengatakan yang haq untuk menegakkan hukum Allah, pada hal untuk menegakkan hukum Allah sampai jangan diperkosa adalah menjadi satu jihad yang dituntut oleh Allah dan Rasul-Nya.

Perkara mengubah atau melanggar hukum Allah seperti ini, dapatlah kita masukkan kepada perbuatan munkar. Perbuatan pencerobohan seperti yang dikatakan oleh al-Zamakhsharī yang berkata:

“Kalau kamu berkata: bagaimana terjadi perbuatan tidak mengambil berat melarang perkara yang munkar sebagai tafsir bagi maksiat dan pencerobohan?

Jawabnya: Allah *‘Azza wa Jalla* menyuruh supaya melarang akan perkara-perkara yang munkar, maka mengabaikan (melenghaknya) adalah maksiat, dan itu ialah pencerobohan.”

Di dalam hal seperti ini Ibn Mājah meriwayatkan dari Anas bin Mālik katanya: Ada orang-orang bertanya kepada Nabi dengan berkata: Ya Rasulullah! Bilakah kita (akan terudrung²) mengabaikan perbuatan menyuruh dengan makruf dan melarang daripada munkar? Jawabnya: “Apabila zahir dalam kalangan kamu apa yang telah zahir dalam kalangan umat-umat yang lalu.” Kami bertanya lagi: Ya Rasulullah! Apa dia yang telah zahir dalam kalangan umat-umat yang lalu? Jawabnya: Kerajaan akan dipegang oleh orang-orang kecil kamu, dan perkara maksiat akan dilakukan oleh orang besar-orang besar kamu, dan ilmu pula akan disandang oleh orang-orang kamu yang fasik.”

Kata al-Shaykh Jamal al-Dīn al-Qāsimī, dalam kitab tafsirnya *“Maḥāsīn al-Ta’wīl”*:

“Hadith-hadith ini hanyalah berkesan kepada orang-orang yang lemah dari kalangan alim ulama dan pemimpin-pemimpin, tetapi orang besar-orang besar yang sedang memegang kuasa maka tidaklah akan ada apa-apa kesannya kepada mereka sedang amaran-amaran Allah *‘Azza wa Jalla* yang demikian dahsyat bunyinya berkibar di atas kepala mereka.

Oleh sebab itulah, al-Allamah al-Zamakhsharī berkata: Sayang! Mengenangkan orang-orang Islam berpaling daripada menjalankan dasar melarang daripada perkara-perkara yang munkar, bahkan mereka kurang mengambil tahu akan dia. Seolah-olah perkara itu bukan daripada ajaran agama Islam. Padahal mereka membaca apa yang terkandung di dalam Kitab Allah dan mengetahui balasan buruk yang akan menimpa kepada orang-orang yang mengabaikannya.”

Segala sesuatu yang bertentangan dengan syarak, menurut pendapat kita, adalah kita diwajibkan menegah dan menentangnya, kerana yang demikian adalah bermakna pencerobohan akan hukum Allah sedang Allah memberi amaran kepada kita akan kebinasaan yang kita akan hadapi sekiranya kita, yang mengaku umat Islam, melakukan yang demikian (perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak) dan menghukumkannya dengan menjadikannya suatu Rang Undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk menghukum orang-orang Islam di dalam hal yang berlawanan dengan hukum Allah.

Dengan perbuatan-perbuatan begini janganlah hendaknya kita menjadi seperti yang dibuat oleh Banī Isrāīl yang mengubah-ubah hukum Allah dengan mengikut kemahuan mereka dengan mengatakan itulah hukuman dari Tuhan. Tuhan telah melaknat perbuatan seperti ini seperti firman-Nya:

Lu‘īna alladhīna kafarū min Banī Isrāīla ‘alā lisāni Dāwūda wa ‘Īsā ibni maryam, dhālika bimā ‘aṣawwakānū ya’tadūn. Kānū lā yatanāhawna ‘an munkarin fa’alūhu, labi’sa mākānū yaf’alūn (78-79, Surah al-Māidah).

Ertinya: “Telah dilaknat orang-orang kafir dari Banī Isrāīl atas lidah Dāwud dan ‘Īsā ibn Maryam, yang demikian, kerana mereka derhaka dan menceroboh. Adalah mereka tidak berlarang-larangan daripada munkar yang mereka kerjakan. Sesungguhnya amatlah jahatnya apa yang mereka telah kerjakan.”

-----oOo-----

² Perkataan sebenar ialah terdorong